

Pesaka dalam Adat Pepatih

— SIRI KESEMBILAN


SAYA percaya pembaca - pembaca yang berminat telah mengikut sebanyak sedikit mengenai sistem Adat Pepatih ini terutama yang menjadi ajukan bagi setengah - setengah orang 'biar mati anak jangan mati adat' itu.

Dalam siri ini saya persilakan pembaca satu lagi persoalan yang agak menarik terutama teruna dara mengenai dengan pesaka. Pesaka dalam Adat Pepatih ada dua sifatnya.

Satu, pesaka jawatan dan satu lagi pesaka harta. Pesaka jawatan tertentu kepada orang lelaki sahaja (kecuali hal - hal yang agak luar biasa) iaitu menjadi Datuk Penghulu, Datuk Lembaga dan Buapak atau ketua waris.

Pesaka harta pula ialah tanah kampung, dusun dan sawah. Tanah - tanah kebun getah tidak termasuk dalam istilah tanah pesaka kerana ia baru saja dibuka iaitu sesudah penjajah Inggeris memerintah ia bukan diteroka oleh nenek moyang yang asal (kecuali tanah yang telah diwartakan tanah pesaka ditanam getah kemudiannya).

Dalam Adat Pepatih tanah pesaka tidak dimiliki secara individu tetapi ia ada-



Oleh
A. SAMAD IDRIS

lah kepunyaan waris bagi satu - satu suku, dijaga dan dikuasai oleh datuk - datuk lembaganya. Datuk Lembagalah yang berkuasa menentukan pembahagian tanah pesaka ini kepada anak - anak buahnya yang berhak menduduki tanah tersebut.

Tidak ada batu sempadan yang ditanam

dan tidak ada geran milik seperti sekarang. Bagi menentukan kawasan masing - masing, kalau sawah menurut jerjang atau lopaknya, dan kalau tanah kampung ditanam pokok - pokok yang tahan lama seperti durian, rambutan, pokok kelapa dan lain - lain sebagai tanda sempadan. Anak - anak buahnya inilah yang diberikan hak mengerjakan sawah dan kampung ini, di atas tanah kampung inilah juga mereka mendirikan rumah tempat tinggal.

Menurut sistem Adat Pepatih, tanah - tanah pesaka ini ditentukan khusus pada anak perempuan, kerana mereka dianggap insan yang lemah dan semestinya diberikan perlindungan, kerana itu mereka diberikan hak tinggal dan duduk di rumah pesaka yang ada dan rumah - rumah baru yang dibina oleh bapanya, kesemua anak perempuan ini dikhaskan rumah masing - masing tiap - tiap seorang se-buah.

Tidak seperti Adat Temenggung di mana orang lelaki yang membawa isteri balik ke rumahnya. Tetapi dalam Adat Pepatih sebaliknya, orang - orang lelaki yang

datang tinggal di rumah perempuan, ia dipanggil 'orang semenda', saudara lelaki isterinya dipanggil 'tempat semenda'.

Meskipun orang lelaki tidak tinggal di rumah ibu bapanya, bukan pula bererti ia tidak berhak di atas tanah, sawah, buah - buahan dan lain - lain malah dialah yang memberikan kuasa itu kepada suami saudara perempuannya yang dipanggil orang semenda tadi.

Kalau buah - buahan telah masak, seperti durian, langsung, rambutan, kelapa, padi dan lain - lain malah saudara - saudara lelakinya ini akan diberi keutamaan. Itu terpulanglah kepada saudara lelakinya juga kerana buah - buahan yang sama ada di kampung isterinya, biasanya ia mengambil ala kadar saja atau kadang - kadang diserahkan kembali kepada anak - anak buahnya.

Dalam hal tertentu kalau saudara - saudara lelaki ini ingin hendak mengerjakan sawah pesaka ibunya tidak pula dihalang malah digalakkan terutama kalau sawah isterinya agak sedikit, kerana adat sendiri ada mengungkapkan kata - kata 'susah senang sama dirasa, sakit pening sama diubati'.